

Bakal dilengkapi enam mesin dan boleh menempatkan 24 pesakit sehari

Kosmo (m/s 17)
24/02/2018

Angkasa buka lima lagi pusat dialisis

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

SHAH ALAM – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bakal membuka lima pusat dialisis MyAngkasa dengan kos kira-kira RM5 juta tahun ini dalam usaha membantu meningkatkan perkhidmatan rawatan pesakit buah pinggang yang semakin bertambah.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pusat perkhidmatan dialisis yang dikendalikan sepenuhnya oleh Angkasa itu akan dibuka di Melaka, Pulau Pinang, Perlis, Terengganu dan Sabah.

Katanya, ketika ini, pihaknya mempunyai dua



pusat perkhidmatan dialisis yang dikendalikan sepenuhnya Angkasa masing-masing di Temerloh,

Pahang dan Alor Setar, Kedah semestara 20 lagi dikendalikan jaringan koperasi.

“Pembukaan lima pusat ini menggunakan modal dalaman Angkasa sendiri dan setiap satu pusat dialisis dilengkapi sekurang-kurangnya enam buah mesin dialisis dan boleh menempatkan kira-kira 24 pesakit sehari,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau ditemui pada majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara ASEAN Co-operation Organisation (ACO) dengan

Scientillence Sdn. Bhd. yang pengeluar produk penapis buah pinggang dikenali ‘dialyzer’.

ACO diwakili Abdul Fattah selaku presiden manakala Scientillence diwakili pengurusnya Tan Sri Lim Tong Yong. Majlis tersebut disaksikan oleh Setiausaha Agung ACO, Datuk Paduka Hanapi Suliman dan Ahli Lembaga Pengarah Scientillence Sdn. Bhd., Ken Lim.

Mengulas lanjut Abdul Fattah memberitahu, ACO dan Scientillence akan bekerjasama dengan memasarkan produk penapis buah pinggang ‘dialyzer’ berteknologi Jerman ke pasaran tempatan dan ASEAN.

“Menerusi MOU itu, Scientillence juga akan membekalkan penapis buah pinggang dengan



ABDUL FATTAH (dua dari kanan) dan Tong Yong (dua dari kiri) pada majlis penyerahan memorandum persefahaman antara ACO dan Scientillence di Shah Alam, Selangor semalam.

kos terendah di 20 pusat dialisis koperasi di negara ini yang pada masa ini menawarkan perkhidmatan dialisis kepada kira-kira

600 pesakit.

“Penggunaan penapis buah pinggang keluaran tempatan itu adalah bagi menggantikan penggu-

naan penapis buah pinggang yang diimport dari negara seperti China dan Jepun yang menelan kos tinggi,” ujarnya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia